



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	20/4/2011

Selesai secara diplomatik: TPM

Malaysia, China setuju atasi pertindihan tuntutan Spratly melalui rundingan

Johari
Ibrahim
di Beijing



MALAYSIA dan China sepakat supaya isu pertindihan tuntutan kawasan di Laut China Selatan yang turut membabitkan beberapa negara ASEAN lain diselesaikan secara rundingan diplomatik.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata persepakatan itu dicapai ketika perbincangannya dengan Naib Perdana Menteri China, Li Keqiang, selama kira-kira sejam di sini, semalam.

Beliau berkata, Malaysia akan memaklumkan pendirian China itu kepada negara anggota ASEAN lain yang turut terbabit dalam tuntutan berkenaan termasuk Filipina dan Brunei.

"China memohon supaya kita adakan perbincangan dengannya dan kita setuju (bahawa) penting mengambil pendekatan rundingan secara diplomasi dan cara yang berasaskan kepada kepentingan keamanan dalam menyelesaikan soal begini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Isu pertindihan tuntutan kepulauan Spratly di Laut China Selatan itu membabitkan antara Malaysia, China, Brunei, Filipina dan Vietnam.

Muhyiddin berkata, Malaysia dan China mengambil



MUHYIDDIN berbincang dengan Menteri Pelajaran China, Yuan Guiren di China World Hotel, semalam. Muhyiddin dalam lawatan rasmi ke China selama seminggu bermula semalam.

pendirian sama dalam isu berkenaan iaitu penyelesaian secara rundingan diplomasi kerana ia akan mengambil masa untuk diselesaikan.

Dalam perkembangan lain, katanya, Malaysia dan China juga berikrar untuk mengukuhkan kerjasama keselamatan membabitkan kawalan keselamatan maritim khususnya di Selat Melaka.

Mengenai hubungan dagang, Muhyiddin berkata, kedua-dua negara gembira dengan kadar perdagangan dua hala yang meningkat tujuh kali ganda daripada RM6 bilion kepada RM45 bilion dalam tempoh 10 tahun ini.

"China mencadangkan su-

paya syarikat Malaysia meneroka bidang minyak dan gas, pertanian, perhutanan dan teknologi hijau di negara itu," katanya.

Justeru, katanya, lawatan Perdana Menteri China, Wen Jiabao, ke Kuala Lumpur bulan ini dijangka membuka prospek perdagangan dua hala yang lebih luas.

Pada lawatan itu, katanya, kedua-dua negara dijangka memeterai dua dokumen iaitu berkaitan dengan ekonomi yang bakal membuka bidang perdagangan baru dan sektor pendidikan.

Sementara itu, ketika mengadakan pertemuan dengan Menteri Pelajaran China, Yuan Guiren, Muhyiddin ber-

kata, beberapa aspek disentuh dalam pertemuan itu antaranya Malaysia akan meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan terutama membabitkan bidang sukan, vokasional, teknikal dan pengiktirafan ijazah antara universiti di kedua-dua negara.

"Saya mengadakan perbincangan yang panjang lebar mengenai prospek mutu pendidikan di China yang boleh kita pelajari termasuk mengenai sekolah tinggi di sini yang menggabungkan konsep pendidikan akademik dan sukan sehingga mereka berjaya lahirkan atlit di peringkat negara," katanya selepas melawat Sekolah Tinggi Eksperimental di bawah

Universiti Normal Beijing (yang menawarkan kursus perguruan).

Sekolah berkenaan mempunyai 2,900 pelajar menggabungkan kurikulum akademik dan sukan terutama dalam bidang renang, bola tampar, olahraga dan gimnastik.

Beliau berkata, konsep gabungan akademik dan sukan di sekolah berkenaan boleh dicontohi di Malaysia menerusi program 'Satu Pelajar Satu Sukan' yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran sebelum ini.

Justeru, katanya, dua sekolah sukan di Malaysia mungkin memerlukan rombakan baru bagi memperbaiki pencapaiannya.